

## Saya tidak mahu risikokan parti — Harun Din 4

UM 25 NOV 1999

ARAU 24 Nov. — Ahli Jawatankuasa Pas Pusat, Datuk Harun Din, memberi alasan beliau tidak bertanding dalam pilihan raya umum ini kerana tidak mahu memberi risiko kepada partinya ekoran beban hutang yang ditanggungnya dengan sebuah bank tempatan.

Bagaimanapun pada masa yang sama, beliau juga mendakwa tidak pernah menyatakan hasrat untuk bertanding di mana-mana kawasan pada pilihan raya ini.

Sebaliknya beliau mendakwa hanya pernah menya-

takan ingin 'berlawan' sahaja dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Pada sidang akhbar selepas majlis ceramah politik di Jejawi dekat sini malam tadi, beliau mengakui namanya memang disenaraikan sebagai calon Pas untuk bertanding pada pilihan raya tetapi sekadar calon simpanan sahaja.

Menurutnya, calon simpanan itu tidak semestinya akan bertanding pada pilihan raya.